



# AKADEMIK

U N I V E R S I T I   T E K N O L O G I   M A R A

**Bilangan 04 Tahun 2021**

**PEMAKLUMAN TAWARAN DAN KUOTA BAGI PERMOHONAN  
BIASISWA STAF AKADEMIK TAJAAN KEMENTERIAN  
PENGAJIAN TINGGI (KPT) PERINGKAT IJAZAH DOKTOR  
FALSAFAH (PhD), SARJANA KEPAKARAN, SUB KEPAKARAN  
DAN PASCA KEDOKTORAN TAHUN 2021**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk mengenal pasti staf akademik sedia ada yang berpotensi dan menepati syarat tajaan untuk memohon Biasiswa Staf Akademik UiTM tajaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi mengikuti pengajian peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Sarjana Kepakaran, Sub Kepakaran dan Pasca Kedoktoran Tahun 2021.
2. Staf Akademik yang dimaksudkan ialah staf akademik di fakulti dan UiTM cawangan yang memenuhi syarat dan mendapat sokongan Dekan dan Rektor. Penawaran biasiswa ini adalah untuk memberi peluang kepada staf akademik UiTM meningkatkan kesarjanaan dan seterusnya berupaya memberi sumbangan kepada UiTM dalam bidang-bidang pengajaran.

**LATAR BELAKANG**

3. Mesyuarat Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia bil. 39 (Khas) pada 21 Januari 2021 mengambil maklum berkenaan pemakluman awal oleh Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan, KPT melalui e-mel bertarikh 8 Januari 2021 berkenaan kuota penajaan yang ditetapkan untuk setiap Universiti Awam (UA) bagi tahun 2021. Mesyuarat turut dimaklumkan berkenaan perkara berikut:
  - a. Penetapan kuota adalah berdasarkan prestasi penawaran tahun 2020.
  - b. Penajaan dan pengajian adalah bermula 1 Jun 2021 bagi peringkat pengajian Sarjana Kepakaran (Perubatan) dan bermula 1 September 2021 bagi peringkat pengajian PhD, Sub Kepakaran dan Pasca Kedoktoran.
  - c. Penajaan adalah lebih tertumpu kepada calon untuk melanjutkan pengajian di dalam negara mengambil kira situasi pandemik COVID-19 yang membataskan pergerakan keluar dan masuk di sesbuah negara.

4. Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Program Biasiswa Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI), Sub Kepakaran (SK) dan Pasca Kedoktoran (PD) KPT tahun 2021 bersama 20 UA pada 11 Februari 2021 telah mengesahkan penetapan kuota bagi UiTM seperti berikut:



**Jadual Unjuran Kuota Tahun 2021**

SLAB / SLAI			SK / PD			<b>Jumlah Besar</b>
Dalam Negara	Luar Negara	Jumlah	Dalam Negara	Luar Negara	Jumlah	
128	2	130	4	1	5	135

**SYARAT TAWARAN**

5. Calon-calon yang hendak memohon mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:

**Permohonan Pengajian Peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Dan Sarjana Kepakaran**

- a. Warganegara Malaysia.
- b. Berjawatan tetap.
- c. Telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan (pengecualian bagi Pensyarah Pelatih Perubatan dan Pergigian untuk permohonan peringkat Sarjana Kepakaran).
- d. Staf yang telah disahkan dalam perkhidmatan hanya boleh dipertimbangkan untuk ditawarkan biasiswa setelah tiga (3) tahun berkhidmat (pengecualian bagi Pensyarah Pelatih Perubatan dan Pergigian untuk permohonan peringkat Sarjana Kepakaran).
- e. Berumur tidak lebih daripada 43 tahun pada tarikh tutup permohonan.
- f. Diperakukan oleh Rektor UiTM Cawangan dan Dekan Fakulti.
- g. Setiap calon hendaklah memastikan bidang pengajian berkaitan dengan bidang pengkhususan pengajaran.
- h. Calon hendaklah mendapatkan penyelia dan tempat pengajian dengan surat tawaran universiti.
- i. Tempat pengajian / universiti yang dipilih hendaklah tersenarai dalam kedudukan:

<b>Peringkat</b>	<b>Dalam Negara</b>	<b>Luar Negara</b>	<b>Tempoh Maksimum Tajaan KPT</b>
PhD	Universiti Awam <b>ATAU</b>	Universiti yang berada di kedudukan 50 terbaik dunia berdasarkan QS <i>World University Rankings</i> / QS <i>World University Rankings by Subject</i> (mengikut tahun permohonan).	36 Bulan / Tiga (3) Tahun
Sarjana Kepakaran	Universiti Swasta di kedudukan 5 dan 6 bintang berdasarkan SETARA 2017 (sila rujuk lampiran 1).		48 Bulan / Empat (4) Tahun

- j. Calon hendaklah mendapatkan tempat pengajian di universiti dalam negara atau luar negara (mengikut kedudukan yang ditetapkan) yang menawarkan pengajian selama 36 bulan bagi pengajian peringkat PhD dan 48 bulan bagi pengajian peringkat Sarjana Kepakaran.

- k. Calon hendaklah mengemukakan Kertas Cadangan Penyelidikan (*Research Proposal*) dan maklumat penyelia.
- l. Setiap calon perlu dapat membuktikan kecemerlangan dalam aktiviti penyelidikan (geran) dan penerbitan. Hasil penyelidikan dan penerbitan pemohon akan diambil kira semasa penilaian di peringkat fakulti.
- m. Calon mestilah memperoleh sekurang-kurangnya Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG / CGPA) 3.00 atau Kelas Kedua Tinggi peringkat Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) atau Diploma Lanjutan.
- n. Calon mestilah memperoleh sekurang-kurangnya HPNG / CGPA 3.00 atau Lulus (pengajian secara penyelidikan) peringkat Ijazah Sarjana.
- o. Memperoleh Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dengan markah minimum 85% bagi tempoh tiga (3) tahun terkini dan berturut-turut.
- p. Calon Biasiswa peringkat PhD diwajibkan menghadiri dengan jayanya program PhD *On-Time* (POT) yang dianjurkan oleh pihak ILD dan mengemukakan salinan sijil tamat kursus:
  - PhD *On-Time: Pre-PhD Preparation*
  - PhD *On-Time: PhD Preparation Research Methodology*
- q. Calon hendaklah mengemukakan salinan keputusan kelulusan Bahasa Inggeris TOEFL / IELTS dengan skor minima yang ditetapkan:

Pengajian Luar Negara	Pengajian Dalam Negara
TOEFL 600 (Paper-Based), 240 (Computer-Based), 92 (Internet-Based), <b>ATAU</b>  IELTS 6.5 'Band', <b>ATAU</b>  seperti dikehendaki oleh pihak universiti berkenaan (luar negara), yang mana lebih tinggi.	TOEFL 500 (Paper-Based), 173 (Computer-Based), 59-60 (Internet-Based), <b>ATAU</b>  IELTS 6.5 'Band'
Tempoh Sah Laku Sijil: Dua (2) Tahun Dari Tarikh Keputusan	

- r. Bebas daripada sebarang hukuman tatatertib universiti dan / atau pendakwaan di mahkamah.
- s. Telah mengisyiharkan harta mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa.
- t. Calon hendaklah bebas daripada status peminjam tegar PTPTN dan mengemukakan bukti pemotongan gaji sekiranya berkaitan.
- u. Calon hendaklah bebas daripada penyakit kronik seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.
- v. Calon hendaklah mengemukakan Surat Kelulusan / Tawaran dan Surat Pelepasan / Pemindahan Ikatan Kontrak Dengan Penaja / Institusi Dahulu bagi peringkat pengajian Sarjana / Ijazah Sarjana Muda jika ada.

- w. Calon yang telah memulakan pengajian secara separuh masa (part-time) akan dipertimbangkan untuk dikemukakan permohonan ke KPT dengan syarat telah memulakan pengajian secara separuh masa tidak melebihi satu (1) tahun dan mempunyai baki tempoh pengajian minimum empat (4) semester semasa permohonan lengkap diterima, tertakluk kepada syarat tawaran lain yang dinyatakan. Penajaan hanya untuk tempoh berbaki tertakluk kepada kelulusan di peringkat KPT.
- x. Calon hendaklah tidak menerima sebarang bentuk penajaan lain bagi peringkat pengajian yang sama dipohon.
- y. Tidak pernah mendapat Biasiswa Staf Akademik tajaan KPT atau Kemudahan Cuti Belajar bagi peringkat pengajian yang sama dipohon.
- z. Belum mempunyai kelayakan dalam peringkat pengajian yang sama dipohon.

#### **Permohonan Program Pasca Kedoktoran dan Sub Kepakaran**

- a. Warganegara Malaysia.
- b. Berjawatan tetap.
- c. Telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan.
- d. Bebas daripada tindakan tatatertib.
- e. Bagi permohonan Pasca Kedoktoran, fakulti hendaklah memastikan calon-calon yang disokong telah berkhidmat sekurang-kurangnya satu (1) hingga lima (5) tahun selepas dianugerahkan PhD (tertakluk kepada syarat yang sedang berkuat kuasa).
- f. Bagi permohonan Sub Kepakaran, calon-calon hendaklah telah berkhidmat sekurang-kurangnya satu (1) tahun selepas dianugerahkan Sarjana Kepakaran.
- g. IELTS / TOEFL adalah dikecualikan bagi permohonan Sub Kepakaran dan Pasca Kedoktoran.
- h. Kemudahan mengikuti Sub Kepakaran dan Pasca Kedoktoran ini hanya dinikmati sekali sahaja oleh pegawai sekiranya memenuhi kriteria yang ditetapkan.
- i. Diperakuan oleh Rektor UiTM Cawangan dan Dekan Fakulti.
- j. Calon hendaklah mendapatkan tempat pengajian sama ada di dalam atau luar negara dan mengemukakan surat tawaran universiti (*unconditional offer letter*).

- k. Tempat pengajian / universiti yang dipilih hendaklah tersenarai dalam kedudukan:

Peringkat	Dalam Negara	Luar Negara	Tempoh Maksimum Tajaan KPT
Pasca Kedoktoran	Universiti Awam	Universiti yang Berada di Kedudukan 50 Terbaik Dunia Berdasarkan QS <i>World University Rankings</i> / QS <i>World University Rankings by Subject</i> (Mengikut Tahun Permohonan)	24 Bulan / Dua (2) Tahun
Sub Kepakaran	Pusat Perubatan Terkemuka di Dalam Negara Berdasarkan Kepakaran Penyelia.	Pusat Perubatan Terkemuka Dunia Berdasarkan Kepakaran Penyelia	12 Bulan / Satu (1) Tahun

#### TATACARA PELAKSANAAN OLEH CALON

6. Calon-calon yang memenuhi syarat tawaran perlu melengkapkan dokumen dan borang biasiswa untuk dikemukakan kepada Bahagian Kemajuan Kerjaya (BKK), Pejabat Pendaftar. Senarai semak dokumen dan borang-borang yang berkenaan boleh dimuat turun dari laman web Pejabat Pendaftar di pautan berikut:

<https://pendaftar.uitm.edu.my/muat-turun/borang>

7. Fakulti hendaklah mengemukakan [1] dokumen permohonan, [2] surat iringan menyatakan keputusan temuduga di peringkat fakulti (sekiranya ada), dan [3] senarai calon mengikut keutamaan kepada BKK mengikut tempoh yang ditetapkan.

8. Fakulti hendaklah mengambil kira keperluan staf di fakulti dan UiTM cawangan.

9. Bidang pengajian yang diperakukan adalah sejajar dan tertakluk kepada bidang kritikal dan bidang keperluan universiti. Bidang pengajian juga mestilah yang berkaitan dengan bidang pengkhususan pengajaran calon.

10. Fakulti perlu memastikan calon yang diperaku mendapatkan tempat pengajian di dalam atau luar negara yang menawarkan pengajian dalam tempoh 36 bulan bagi pengajian peringkat PhD dan 48 bulan bagi pengajian peringkat Sarjana Kepakaran. Tiada pelanjutan tempoh pengajian akan diluluskan selepas tamat tempoh pengajian asal yang diluluskan.

11. Bagi calon yang diperakukan untuk melanjutkan pengajian ke PhD atau Sarjana Kepakaran di luar negara, fakulti perlu memastikan bidang berkenaan adalah kritikal dan tersenarai dalam kedudukan 50 universiti terbaik dunia menurut kepada QS *World University Rankings* atau QS *World University Rankings by Subject* (merujuk senarai tahun yang sama dengan tahun permohonan dibuat).

12. Bagi calon yang diperakukan untuk mengikuti Latihan Pasca Kedoktoran di luar negara, fakulti perlu memastikan pengajian di luar negara hanya bagi universiti yang berada di kedudukan 50 terbaik dunia berdasarkan QS *World University Rankings* atau QS *World University Rankings by Subject* (merujuk senarai tahun yang sama dengan tahun permohonan dibuat), manakala bagi latihan Sub Kepakaran, tempat pengajian hendaklah di pusat perubatan terkemuka dunia berdasarkan kepakaran penyelia.

13. Fakulti perlu memastikan calon yang diperakukan mempunyai keinginan untuk belajar dan mampu menamatkan pengajian dalam tempoh yang diluluskan.
14. Fakulti hendaklah memastikan calon tidak mempunyai masalah kesihatan yang memerlukan rawatan berpanjangan dan boleh menjelaskan prestasi pengajian calon untuk menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.
15. Fakulti perlu memantau kemajuan pengajian pelajar melalui perhubungan berkala dengan penyelia calon di universiti yang berkaitan.
16. Fakulti juga hendaklah melantik mentor (*Field / Shadow Supervisor*) bagi setiap staf yang diluluskan cuti belajar peringkat PhD untuk tujuan pemantauan prestasi pengajian agar calon dapat menamatkan pengajian dalam tempoh cuti belajar asal yang diluluskan.
17. Fakulti dan UiTM cawangan juga hendaklah memastikan prestasi pengajian staf cuti belajar ini dijadikan agenda utama dalam mesyuarat pengurusan PTJ dan memantau prestasi pengajian staf yang cuti belajar atau staf yang sedang mengikut program pembangunan kerjaya agar berjaya menamatkan pengajian PhD dan memenuhi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan dengan jayanya dalam tempoh asal yang diluluskan.
18. Bagi calon yang didapati tidak memenuhi syarat yang ditetapkan atau mengemukakan maklumat yang tidak benar dan tidak lengkap, permohonan calon berkenaan tidak akan dimajukan kepada KPT.
19. Calon perlu mendapat kelulusan penajaan dari KPT sebelum memulakan pengajian / cuti belajar secara sepenuh masa.
20. Pencalonan ini adalah terhad kepada calon yang belum memulakan pengajian secara sepenuh masa semasa permohonan dikemukakan. Calon hanya dibenarkan untuk memulakan pengajian secara sepenuh masa setelah mendapat kelulusan penajaan dari KPT.
21. Bagi calon yang terpilih, sebarang permohonan untuk melanjutkan tempoh sah laku atau menangguhkan pengajian tidak akan dipertimbangkan.
22. Fakulti adalah diingatkan untuk memastikan pencalonan yang dikemukakan adalah mengikut perancangan unjuran yang ditetapkan seperti mana yang dinyatakan dalam e-mel oleh BKK pada 5 Februari 2020 dan 2 Oktober 2020 dan mengambil kira keperluan pelan penggantian staf akademik mengikut bidang keperluan.

#### **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

23. Dokumen yang telah dilengkapkan perlu dikemukakan ke BKK, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM), Pejabat Pendaftar untuk proses tajaan di KPT selewat-lewatnya pada 31 Mac 2021 (Rabu).

#### **PEKELILING BERKAITAN**


24. Pekeliling ini adalah bertujuan memaklumkan tentang penawaran dan permohonan Biasiswa Staf Akademik Tajaan KPT Tahun 2021 sahaja. Dengan penguat kuasaan pekeliling ini, Surat Pemakluman Awal Penawaran Biasiswa Staf Akademik Tajaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi Peringkat Pengajian Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Sarjana Kepakaran, Sub Kepakaran dan Pasca Kedoktoran Tahun 2021 bertarikh 12 Januari 2021 adalah dibatalkan.

## **TARIKH DIKELUARKAN**

25. Pekeliling ini dikeluarkan pada 16 Februari 2021.

## **TARIKH KUAT KUASA**

26. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 16 Februari 2021.

  
**PROF. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)  
Tarikh : 16 Februari 2021  
Kategori Pekeliling : Prosedur

Lampiran 1

**Senarai Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia Bagi Tujuan Permohonan Biasiswa SLAB/SLAI Tajaan KPT Tahun 2021 Peringkat PhD dan Sarjana Kepakaran**

Takrifan: SETARA adalah sistem rating yang digunakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk menilai Universiti dan Kolej Universiti di Malaysia (2017)

Bil.	Nama Universiti	Catatan
<b>Kategori: 6 Bintang (Outstanding)</b>		
1.	International Medical University	IPTS
2.	Monash University Malaysia	IPTS: Cawangan Luar Negara
3.	Universiti Teknologi Petronas	IPTS: GLU
<b>Kategori: 5 Bintang (Excellent)</b>		
4.	Curtin Universiti Sarawak Malaysia	IPTS: Cawangan Luar Negara
5.	Swinburne University of Technology Sarawak	IPTS: Cawangan Luar Negara
6.	The University of Nottingham Malaysia	IPTS: Cawangan Luar Negara
7.	Universiti Tenaga Nasional	IPTS: GLU
8.	Asia Pacific University of Technology & Innovation	IPTS
9.	International Centre for Education in Islamic Finance	IPTS
10.	Management and Science University	IPTS
11.	Sunway University	IPTS
12.	UCSI University	IPTS
13.	Taylor's University	IPTS
14.	Universiti Tunku Abdul Rahman	IPTS